

NO SOALAN :36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.11.2015

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) jumlah pendapatan Kerajaan Pusat selepas perlaksanaan sistem cukai GST sejak 1 April 2015; dan

(b) mengapa kerajaan tidak menurunkan kadar cukai GST bagi meringankan beban rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pelaksanaan GST bermula 1 April 2015 yang lalu, hasil daripada GST dijangka sebanyak RM 27 bilion bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015, manakala hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM 222.5 bilion.

a. Kadar GST 6% adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa setelah mengambil kira beberapa faktor termasuklah pengurangan cukai individu, cukai korporat dan bantuan kewangan seperti BR1M.

Bagi menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhannya, terutamanya golongan berpendapatan rendah, pelbagai barang dan perkhidmatan asas telahpun diberikan layanan GST berkadar sifar atau dikecualikan. Ini bermaksud barang dan perkhidmatan asas seperti beras, gula, tepung, sayuran, daging, ayam, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, serta pembelian dan penyewaan rumah kediaman tidak dikenakan GST. Selain itu, jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga diberikan

pelepasan daripada GST. Di samping itu, bagi mengimbangi peningkatan kos sara hidup dan mengurangkan impak pelaksanaan GST, Kerajaan telah memperkenalkan pakej bantuan seperti berikut:

- i. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M. Dalam Bajet 2016, satu kategori baru juga diwujudkan iaitu penerima bantuan di bawah e-Kasih;
- ii. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan mulai tahun taksiran 2015. Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu bayar cukai pendapatan; dan
- iii. Cukai pendapatan individu juga distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000 mulai tahun taksiran 2015. Kadar cukai maksimum sebanyak 26% pula dikurangkan kepada 24%, 24.5%, dan 25% mulai tahun taksiran 2015. Mulai tahun taksiran 2016 pula, untuk memastikan struktur cukai pendapatan yang lebih progresif, dua banjaran pendapatan cukai baharu telah diwujudkan iaitu pendapatan daripada RM600,001 hingga RM1 juta dengan kadar cukai 26% dan pendapatan melebihi RM1 juta dengan kadar cukai 28%.